

## EUFEMISME LEKSIKAL DAN METAFORA KEMATIAN DALAM DIALEK MELAYU KEDAH

Noriah binti Mohamed  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia, 11800 Gelugor  
Pulau Pinang, MALAYSIA  
noriahm@usm.my

Jamilah Bebe binti Mohamad  
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan  
Universiti Malaysia Pahang, Lebuhraya Tun Razak, 25300 Gambang  
Pahang, MALAYSIA  
ella\_jamilahbebe@yahoo.com

### ABSTRAK

Makalah ini membincangkan tabu dan eufemisme dalam salah satu subdialek dalam dialek Melayu Kedah, persamaan, serta perbezaannya berbanding dengan bahasa Melayu standard. Tabu ialah kod bahasa (perkataan, frasa, ayat, dan lain-lain) yang ditegah, dilarang, atau diharamkan untuk diperkatakan pada masa atau tempat tertentu. Untuk mengelakkan penggunaan kod bahasa yang tabu ini maka eufemisme digunakan. Eufemisme ialah kod bahasa yang dianggap lebih baik, lembut, sederhana, sopan, tertib, dan menyenangkan bagi memperkatakan perkara yang dianggap tabu. Dalam kertas kerja ini, eufemisme yang dibincangkan berfokus kepada penggantian leksikal dan metafora (frasa) waima eufemisme juga boleh muncul dalam bentuk ungkapan yang lebih panjang (ayat). Penggantian leksikal merujuk kepada penggantian kata dalam bentuk sinonim atau separa sinonim manakala metafora pula ialah pemakaian kata untuk menyatakan makna lain daripada makna biasa atau makna sebenar perkataan berkenaan menerusi perbandingan. Perbandingan eufemisme dalam kertas kerja ini memanfaatkan sebahagian gagasan idea pengelasan eufemisme oleh Saville-Troike (2003) dan dalam hal ini perbincangan berkisar sekitar eufemisme unsur kematian. Data dalam kertas kerja ini dipungut menerusi pemerhatian dan wawancara terhadap informan terpilih yang dilaksanakan di salah sebuah kampung di Kedah, iaitu Kampung Pengkalan Ikan Bilis, Sungai Lalang, Sungai Petani, Kedah. Data yang dirakamkan ditranskripsikan dan dipaparkan dalam bentuk ejaan biasa. Perbincangan menunjukkan bahawa eufemisme sebagaimana saranan Saville-Troike (2003) memang wujud dalam dialek Melayu Kedah untuk memperkatakan sesuatu perkara dengan cara yang lebih sopan. Namun demikian, sesuai dengan sifat dialek Melayu Kedah yang digunakan dalam kebanyakan situasi tidak formal, eufemisme dalam dialek ini menunjukkan persamaan dan perbezaan dengan bahasa Melayu standard.

Kata kunci: tabu, eufemisme, eufemisme unsur kematian, dialek Melayu Kedah.

### Pengenalan

Di sebuah salun rambut, penulis tersenyum apabila mengingat dialog yang berikut:

Jadual 1.1: Perbualan 1

Pemilik salun	:	habis semua dia kasi sama itu jantan, rumah, kereta, duit
Pekerja salun	:	nasib baik dia tak gadai <u>kue</u> dia sekali hihhihi
Pemilik salun	:	kalau gadai <u>kue</u> lagi rugi lo
Penulis	:	kalau saya punya <u>kue</u> mesti dia takmo hahaha da kecut
Pemilik salun	:	<u>apam balik</u> semalam hehehe

Perbualan yang lebih kurang sama berlaku dalam filem *Cuti-cuti Malaysia* karya Ahmad Idham yang ditayangkan kepada umum pada 21 Oktober 2010. Dialog yang dilafazkan oleh Farid Kamil kepada Nora Danish pada minit 1:03 berbunyi seperti yang berikut:

Jadual 1.2: Perbualan 2

Nora Danish	:	you kata muka I tak cantik?
Farid Kamil	:	dahi jendol, dagu leper, tu apa tu?
Nora Danish	:	ha?
Farid Kamil	:	<u>nasi lemak 50 sen</u> (sambil muncung mulutnya mengarah ke arah buah dada Nora Danish)
Nora Danish	:	aaaa (sambil menutup buah dadanya dengan tangan)

Sumber: MEDIAMALAYA (16 Oktober 2010)

Kedua-dua perbualan di atas melibatkan penggunaan bentuk bahasa yang hampir sama tetapi kedua-duanya mungkin mencetuskan pandangan yang berbeza-beza. Dalam Perbualan 1, ungkapannya boleh dianggap lucu dan halus kerana menyamakan alat sulit perempuan dengan 'kue' (kuih) dan 'apam balik' (sejenis kuih Melayu) dalam satu peristiwa perbualan tertutup. Dalam Perbualan 2 pula, ungkapan 'nasi lemak 50 sen' yang diguna pakai untuk menggantikan kata yang merujuk anggota tubuh manusia mungkin boleh dianggap kasar, menghina atau menyinggung perasaan seseorang kerana menyamakan 'nasi lemak 50 sen' yang bersaiz kecil dengan saiz buah dada perempuan. Perbualan 2 berkenaan juga mungkin sekali dianggap lucu kerana memperkatakan hal yang jarang disebut dalam masyarakat, iaitu anggota sulit manusia secara terbuka.

Mengapakah penutur dalam dua perbualan di atas menggunakan kata tertentu untuk merujuk kepada kata lain? Hal ini berlaku kerana wujudnya sesetengah perkara yang tidak wajar diungkapkan kerana perkara tersebut dianggap tabu oleh masyarakat berkenaan. Sekiranya perkara yang tabu tersebut ingin juga diperkatakan maka kata atau ungkapan tabu tersebut haruslah digantikan dengan kata atau ungkapan lain yang lebih sopan, manis atau halus<sup>1</sup>. Kata yang menggantikan kata tabu disebut sebagai eufemisme.

Eufemisme bukan sahaja menunjukkan penggunaan bahasa yang sopan malah penggunaannya menunjukkan pengguna bahasa itu kreatif kerana terpaksa memikirkan bentuk lain yang lebih sesuai untuk sesuatu situasi, kadang-kadang secara spontan. Oleh sebab itu, eufemisme dianggap sebagai idiom atau bunga-bunga bahasa. Walaupun penggunaan idiom ini dapat dikesan dalam perbualan rasmi atau kamus bahasa Melayu standard, belum tentu bentuknya sama dengan eufemisme yang terdapat dalam dialek-dialek Melayu di Malaysia. Untuk memastikan hal ini maka objektif tinjauan ini adalah untuk:

1. meninjau dan memaparkan secara umum penggunaan eufemisme sebagai bunga bahasa dalam salah satu dialek Melayu Kedah, iaitu dialek Melayu Kedah Sungai Petani; dan
2. memperlihatkan bahawa walaupun bahasa Melayu standard dan dialek Melayu dalam objektif 1 merupakan variasi bahasa, namun bentuk eufemisme dalam kedua-duanya tidak semestinya sama.

Sebagaimana objektifnya, tinjauan ini juga terbatas kepada sebuah dialek sahaja, iaitu dialek Melayu Kedah Sungai Petani (DMKSP). Dialek ini ialah dialek Melayu Kedah yang dituturkan di Kampung Pengkalan Ikan Bilis, Sungai Lalang, Sungai Petani, Kedah. Fokus sebegini sudah pasti menunjukkan bahawa huraian dapatannya tidak merangkumi semua dialek Melayu yang terdapat di Malaysia.

Fokus tinjauan dalam makalah ini juga terhad kepada bentuk penggantian leksikal dan metafora bagi eufemisme kematian sahaja, waima terdapat domain lain yang memperlihatkan penggunaan idiom ini.

Menurut Halliday (1976) penggantian leksikal merupakan sejenis peranti kohesi dan dalam penggantian ini satu entiti (dalam hal ini leksikal atau perkataan) digantikan oleh satu entiti lain. Penggantian berkait dengan kosa kata dan nahu, bukan makna. Maksudnya, apabila entiti saling mengganti maka yang mengganti itu maknanya sama atau hampir sama dengan entiti yang diganti. Hal ini lazimnya berkait pula dengan perkataan sinonim, yakni perkataan yang mempunyai makna yang sama atau hampir sama.

Metafora ialah bahasa figuratif. Bahasa figuratif atau bahasa kiasan ialah penggunaan kata atau ungkapan dengan makna yang bukan makna sebenar. Bahasa figuratif ialah penyimpangan daripada apa-apa yang dianggap oleh penutur bahasa sebagai yang lazim atau biasa. Metafora ialah sejenis bahasa kiasan bukan peribahasa (Abdullah dan Aion, 2001: vii). Menurut Abdullah dan Aion (2001: i-xiii) metafora ialah bahasa kiasan yang digunakan untuk mengiaskan dan membandingkan sesuatu serta tidak menggunakan perkataan seolah-olah, ibarat, seakan-akan, bak, laksana, macam, seperti, bagi dan umpama. Contohnya, ungkapan 'dia lembu' ialah metafora, manakala 'dia seperti lembu' ialah perumpamaan. Dalam kata lain, metafora ialah satu set proses linguistik yang menunjukkan sesetengah ciri sesuatu entiti dipindahkan kepada entiti yang lain. Oleh sebab itu, dalam metafora, dua entiti yang dibandingkan hampir sama atau mirip sahaja sebab hanya sebahagian ciri yang dipindahkan kepada

<sup>1</sup> Sopan, manis atau halus ini juga mengikut ukuran dan konvensi masyarakat berkenaan. Sesetengah kata atau ungkapan mungkin dianggap sopan, manis atau halus oleh sesebuah masyarakat tetapi sebaliknya oleh masyarakat yang lain. Sebagai contoh, kata ganti nama diri 'kamu' dianggap neutral dalam dialek Melayu Perak tetapi mungkin dianggap kasar oleh penutur dialek Melayu Johor yang mengguna pakai kata 'awak'. Dalam bahasa Melayu standard kedua-duanya dianggap neutral.

entiti yang satu lagi. Sesuatu entiti diberi sebahagian makna yang dimiliki oleh entiti lain. Sebagai contoh, dalam metafora 'masa emas' 'time is gold' atau masa wang 'time is money' hanya nilai emas dan wang yang dipindahkan kepada masa, bukan ciri fizikalnya.

Dalam personifikasi pula, benda atau objek bukan manusia ditampilkan dengan sifat manusia yang melakukan sesuatu. Hal ini selari dengan *Kamus Dewan Edisi Keempat* (1995: 1026) yang menjelaskan bahawa personifikasi ialah pemberian sifat-sifat manusia kepada benda yang tidak bernyawa atau sesuatu yang abstrak. Hasilnya, benda yang tidak bernyawa tersebut akan mempunyai sifat manusia seperti boleh bercakap, makan, minum dan sebagainya. Personifikasi juga boleh dianggap metafora pada masa yang sama. Umpamanya ungkapan 'keretanya batuk-batuk', 'suasana hiruk pikuk menyapanya' atau 'daun nyiur melambai-lambai' ialah contoh personifikasi yang juga metafora yang menunjukkan sebahagian ciri manusia, iaitu batuk, menyapa dan melambai dipindahkan kepada kereta, suasana dan daun nyiur.

Berlandaskan huraian dalam bahagian pengenalan ini, paparan selanjutnya dalam makalah ini disusuli dengan definisi, gagasan idea tabu dan eufemisme dan kerangka teoretis; sorotan pilihan kajian tabu dan eufemisme; definisi dialek Melayu Kedah; metodologi; perbincangan dapatan tinjauan; dan diakhiri dengan rumusan keseluruhan serta saranan tinjauan lain.

### Definisi dan gagasan idea tabu dan eufemisme

Apakah maksud tabu? Tabu ialah kata atau ungkapan tertentu yang tidak disebut, bukan sebab tidak boleh disebut tetapi sebab orang enggan memperkatakan hal tersebut. Tabu mungkin cara sesetengah anggota masyarakat mengekspresikan ketidaksetujuan mereka terhadap perkara atau perilaku tertentu. Tabu juga ialah ujaran yang dianggap mendatangkan mudarat (malu) kepada anggota masyarakat disebabkan kepercayaan karut (supernatural) atau melanggar kod etika atau moral. Dari segi supernatural, tabu dianggap sebagai undang-undang bertulis tertua yang terbentuk akibat perasaan takut kepada kuasa syaitan yang dipercayai telah bersembunyi di sebalik setiap perkara yang dikatakan sebagai tabu (Wundt, 1906: 308). Sebab itulah Saville-Troike (2003) berpendapat bahawa tabu ialah satu sistem kod bahasa yang dilarang, diharamkan atau ditegah untuk diperkatakan pada masa dan tempat tertentu.

Untuk mengelakkan penggunaan kata atau ungkapan tabu maka eufemisme digunakan. Bagi Wardhaugh (1986: 231) eufemisme wujud apabila masyarakat menamakan, menyolek dan mencantikkan sesuatu yang dianggap tabu untuk menjadikannya lebih baik atau bersopan. Teo (1996) pula menyatakan bahawa eufemisme ialah kata atau ungkapan yang dianggap lebih lembut dan sederhana, lebih baik dan menyenangkan bagi memperkatakan sesuatu perkara yang mungkin boleh dianggap kasar, keras, menakutkan, menghina atau menyinggung perasaan seseorang. Oleh sebab itu, kata tabu digantikan dengan kata lain yang dianggap lebih halus, sopan dan manis mengikut penilaian penutur bahasa tersebut. Sebagai contoh, dalam bahasa Melayu, ungkapan seperti alat sulit atau kemaluan lebih halus jika dibandingkan dengan 'butuh' atau 'puki'.

Lazimnya penentuan tabu dan penggantinya dengan eufemisme bersifat konvensional. Maknanya, selain pemilihan kata dan ungkapan eufemisme bergantung kepada masyarakat berkenaan untuk menentukannya, walaupun tidak ada undang-undang atau peraturan yang menyatakan bahawa sesuatu kata itu tabu dan tidak boleh disebut, masyarakat bersetuju untuk tidak menggunakan kata tabu berkenaan.

Terdapat pelbagai cara eufemisme dikelaskan. Salah satu caranya adalah dengan merujuk kepada konsep dan pembahagian tabu dalam masyarakat tertentu. Dalam hal ini, sebagaimana penentuan dan penggantian tabu dengan eufemisme dan pemilihan kata dan ungkapan eufemisme, penentuan konsep tabu dan eufemisme juga bergantung kepada masyarakat tertentu. Maknanya, selain bersifat konvensional, tabu juga tidak arbitrari. Sehubungan dengan hal ini, Saville-Troike (2003: 210) menyatakan:


*"No topic is universally forbidden: what cannot be said in one language can be in another and vice versa. Neither are linguistic taboos arbitrary: they relate integrally to culture-specific beliefs and practices in religion or magic, decorum, and social control."*

Maksudnya, tabu dan eufemisme tidak arbitrari kerana kedua-duanya berkait dengan budaya kelompok tertentu. Tabu dan eufemisme tidak sejagat atau universal. Sesuatu bentuk yang tabu dalam sesebuah bahasa tidak semestinya tabu dalam bahasa lain. Sebagai contoh, dalam bahasa Indonesia perkataan 'butuh' dan 'membutuhkan' yang bermaksud 'perlu' dan 'memerlukan' tidak tabu, namun begitu perkataan-perkataan ini boleh menyebabkan air muka penutur bahasa Melayu di Malaysia merah apabila mendengarnya. Hal ini demikian kerana perkataan ini ialah perkataan tabu (carutan) dalam kalangan orang Melayu di Malaysia.

Dari segi pembahagian tabu, Saville-Troike (2003) berpendapat bahawa tabu mempunyai kaitan dengan dua aspek utama. Aspek pertama ialah sistem kepercayaan dan amalan keagamaan manakala aspek kedua ialah kesopanan. Kedua-dua aspek ini dikatakan bertindih dan dijadikan sebagai kawalan sosial masyarakat yang mengakibatkan kepatuhan dan ketakutan terhadap sesuatu perkara yang ingin disampaikan. Sehubungan dengan hal ini, Saville-Troike (2003: 210–214) (yang mengemukakan contoh kajian orang lain juga), membahagikan tabu kepada tiga bahagian apabila beliau menyatakan: "... they relate integrally to culture-specific beliefs and practices in religion or magic, decorum, and social control."

Terdapat tiga jenis tabu yang dimaksudkan oleh Saville-Troike (2003: 210–214), iaitu agama atau magis, decorum dan kawalan sosial. Antara tiga jenis tabu yang disebutkan tabu berkaitan decorum amat berkaitan dengan kehidupan masyarakat seharian. Decorum ialah tingkah laku yang berkaitan dengan moral, ketertiban atau kesopanan. Dalam hal ini, tabu decorum merangkumi

penghinaan ras dan etnik; interlingual; bentuk hormat; dan alasan estetika atau moral. Pengelasan keseluruhan tabu mengikut Saville-Troike (2003) dapat dilihat dalam Rajah 1.1.



Sumber: Diubahsuai daripada Saville-Troike, M. (2003: 210-213)

## Sorotan Literatur

Walaupun eufemisme merupakan fenomena yang wujud dalam kebanyakan budaya di dunia, banyak penelitian awal terhadap fenomena ini dilakukan di luar negara dengan pelbagai skop kajian, seperti retorik, leksikografi, semantik, sosiolinguistik, psikolinguistik, pragmatik dan sebagainya. Antara penelitian awal yang dimaksudkan ialah *The American Language* dan dalam buku tahun 1936 ini, linguis Amerika, Mencken membincangkan sebab beratus-ratus eufemisme dicipta dan popular dalam sejarah Amerika dengan rinci. Bukunya menjadi legasi untuk kajian eufemisme. Pada tahun 1981, linguis British, Rawson pula menyusun kamus *A Dictionary of Euphemisms and Other Double Talks* yang mencatatkan kajian eufemisme yang dijalankan selama berabad-abad oleh linguis Amerika dan British. Dalam bahagian prakata yang agak panjang, Rawson bukan sahaja mengesan sejarah eufemisme malah mencatatkan secara rinci ciri, definisi, pengelasan dan skop penggunaan eufemisme. Pada tahun 1983 pula diterbitkan *Kind Words - A Thesaurus of Euphemisms*, yang disusun oleh Neaman & Silver yang sangat bernilai kepada kajian eufemisme. Pada tahun 1985, Enright D. J. menerbitkan koleksi esei tentang eufemisme *The Uses of Euphemism*, yang memperlihatkan sebahagian topiknyanya, seperti eufemisme dan media, eufemisme dan kanak-kanak dan seks dan eufemisme, mewakili bidang sosial yang berbeza. Akhirnya, Allen & Burrige (1991) menyetengahkan buku mereka yang bertajuk *Euphemism and Dysphemism: Language Used as Shield and Weapon* yang menunjukkan perspektif menarik dari sudut psikologi manusia yang menggunakan eufemisme sebagai pendinding untuk menghalang kemarahan atau ketidasetujuan terhadap sikap semula jadi atau kuasa supernatural. Buku ini amat berguna untuk mengkaji eufemisme dalam bahasa Inggeris dari perspektif pragmatik.

Kajian eufemisme yang bersifat tempatan agak langka. Kebanyakan paparan tentang eufemisme dibuat berdasarkan tinjauan skala kecil dan ditulis dalam bentuk makalah. Umpamanya, Jeniri Amir (2007) meneliti penggunaan bahasa dalam media massa Indonesia yang kerap menggunakan eufemisme dalam bahan bercetak. Dalam makalah yang bertajuk "Bahasa media Indonesia", Jeniri merumuskan bahawa penggunaan eufemisme sangat berkesan untuk melaporkan sesebuah berita yang bersifat tabu. Antara penggantian yang dibincangkan ialah tabu aspek seksual, seperti 'rogol' dan 'perkosaan'. Noor Asliza Abdul Rahim (2008) dalam tesis sarjananya *Analisis Eufemisme dalam Laras Akhbar Berbahasa Melayu* di Universiti Sains Malaysia mengupas penggunaan eufemisme dalam bahasa Melayu standard, khususnya laras bahasa dalam akhbar *Mingguan Malaysia*. Zuraidah Jantan (2009) dalam kajian yang bertajuk *Unsur Eufemisme dalam Novel Melayu: Satu Manifestasi Kesopanan Bahasa* telah meneliti aspek eufemisme yang digunakan dalam novel. Tujuan kajian ini adalah untuk membandingkan penggunaan eufemisme dalam novel lama dengan novel baharu. Pengkaji mendapati bahawa eufemisme bukan sahaja berlaku terhadap kata atau ungkapan malahan boleh berlaku dalam seluruh ayat, perenggan bahkan seluruh karya. Pengkaji merumuskan bahawa penggantian eufemisme akan terus berlaku kerana wujudnya topik tabu dalam masyarakat dan budaya Melayu. Adenan Ayob (2010) pula melaksanakan kajian yang membandingkan kesan usaha pengasimiliasian bahasa dalam ekoran penghasilan bahasa eufemisme dan bukan eufemisme antara pelajar Cina dengan India. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan yang ketara bahasa bukan eufemisme yang digunakan dalam komunikasi antara pelajar Cina dengan India yang memberi kesan kepada komunikasi, pengajaran dan pembelajaran bahasa. Hasil kajian ini bermanfaat kepada guru dalam menerapkan penggunaan bahasa Melayu yang bersopan, tulen dan sejati dalam kalangan pelajar di bilik darjah. Noor Hartini Zolkifli dan Siti Saniah Abu Bakar (2011) melaksanakan kajian yang membincangkan faktor penggunaan eufemisme dalam dialog-dialog dan meneliti kekerapan penggunaan eufemisme dalam dua buah novel, iaitu *Papa* dan *Azfa Hanani*. Kajian ini membincangkan faktor-faktor penggunaan eufemisme berlandaskan maksim santun dalam Prinsip Kesantunan Leech (1983). Sorotan literatur juga menunjukkan bahawa penggunaan kerangka linguistik kognitif, seperti metafora konseptual dan teori metonimi terhadap pengelasan fenomena eufemisme dalam dialek Melayu di Malaysia boleh dikatakan belum ada, malah dalam konteks yang lebih luas, hanya terdapat sebilangan kecil kajian lalu yang mengguna pakai kerangka linguistik kognitif ini untuk menganalisis eufemisme (Zhenqiang, 2006: 71). Kebanyakan kajian lalu memperlihatkan bahawa pengkaji cuba mendefinisikan eufemisme dan mengelaskannya mengikut kesesuaian budaya masyarakat yang dikaji lazimnya dalam konteks rasmi penggunaan bahasa bercetak atau lisan. Selain sorotan sebelum ini, eufemisme kebanyakannya dicatatkan dalam buku umum semantik atau linguistik sepintas lalu. Oleh sebab itu, tinjauan dalam makalah ini cuba meneliti fenomena yang menarik ini dalam dialek, secara khusus dalam salah satu dialek Melayu, iaitu dialek Melayu Kedah yang lazimnya digunakan dalam konteks tidak rasmi.

## Dialek Melayu Kedah

Apakah yang dimaksudkan dengan dialek Melayu Kedah (DMK) dalam konteks kebahasaan di Malaysia? DMK ialah salah satu dialek geografi<sup>2</sup> yang terdapat di Malaysia. Berdasarkan kawasan geografi linguistik<sup>3</sup>, terdapat pelbagai cara pembahagian kawasan dialek geografi di Malaysia.

<sup>2</sup> Dialek ialah suatu ragam bahasa yang dapat dibezakan dengan agak tegas daripada ragam lain melalui ciri lafaz, kosa kata atau tatabahasa. Ragam bahasa ini terdapat dalam daerah geografi tertentu atau dalam suasana sosial tertentu (Collins, 1989: xx). Dialek geografi dalam konteks ini didefinisikan dengan cara mengaitkannya dengan ruang tempat dialek berkenaan dituturkan, khususnya ruang geografi, atau menerusi perbezaan ciri-ciri linguistik seperti kosa kata, sebutan dan nahu.

<sup>3</sup> Kawasan geografi linguistik ialah kawasan asal di mana sesuatu dialek geografi dituturkan. Kawasan geografi linguistik kadang-kadang sama dengan kawasan geografi politik, misalnya di Malaysia, ruang geografi linguistik mengikuti ruang geografi politik. Sebab itu nama dialek Melayu lazimnya disejajarkan dengan nama negeri tempat dialek tersebut dituturkan. Dengan demikian wujudlah dialek Melayu Kelantan, Johor, Perak, Terengganu dan sebagainya. Sepatutnya kedua-dua ruang geografi berkenaan tidak boleh disamakan disebabkan tiga faktor. Pertama, walaupun diberi nama mengikut negeri, setiap dialek menempati ruang yang kurang atau lebih, lazimnya lebih, daripada ruang geografi politik. Misalnya ruang geografi linguistik dialek Melayu Kedah tersebar sehingga ke Taiping, iaitu bahagian utara negeri Perak. Kedua, dalam kawasan dialek wujud kawasan subdialek dan kawasan subdialek ini biasanya disempadani oleh kampung atau mukim. Ketiga, sempadan geografi

Mengikuti Asmah (1983: 84), kawasan dialek Melayu di Malaysia dapat dibahagikan kepada tujuh kelompok utama, iaitu kelompok barat daya yang merangkumi dialek Melayu di Kedah, di Perlis, di Pulau Pinang sehingga ke bahagian utara Perak (disebut juga wilayah dialek Melayu Kedah); kelompok timur laut, iaitu dialek Melayu di Kelantan; kelompok timur, iaitu dialek Melayu di Terengganu; kelompok selatan, yang merangkumi dialek Melayu di Johor, Melaka, Pahang, Selangor dan di bahagian tengah dan selatan Perak; dialek Melayu di Negeri Sembilan; dialek Melayu di Sabah, Sarawak dan Brunei; dan dialek Melayu Orang Asli, Jakun dan Temuan (juga dikenali sebagai Beduanda atau Biduanda)<sup>4</sup>.

Berdasarkan pembahagian Asmah (1983), DMK dikelaskan sebagai salah satu variasi yang terdapat dalam kelompok barat daya atau wilayah dialek Melayu Kedah, yang mencakupi juga negeri Perlis, Pulau Pinang dan sebahagian Perak. Hal ini juga disetujui oleh Ismail (1973) yang menyatakan bahawa kawasan pertuturan DMK:

*“... stretched the whole north-western coast of the Peninsula from Perlis down south to Dinding in Perak, including Penang Island.”*

Collins (1988) pula mengutarakan pengelasan DMK yang wilayahnya lebih besar dan merangkumi pesisiran dan kepulauan tiga negara, Malaysia, Indonesia dan Thai.

Berdasarkan pembahagian besar DMK, Shuib (1971) pula membahagikan varian ini kepada tiga. Menurutnya di kawasan utara, menghampiri sempadan Thai, DMK dipengaruhi oleh bahasa Thai, khususnya dari segi sebutan dan dialek ini dikenali sebagai DMK pelat Siam. Di bahagian timur pula, terdapat corak pertuturan DMK yang mirip kepada dialek Melayu Kelantan dan dikenali sebagai DMK pelat Pattani atau cakap Pattani. Di kawasan pesisir yang meliputi kawasan pamah, (termasuk Pulau Pinang) merupakan kawasan DMK yang kurang dipengaruhi oleh bahasa Thai atau dialek Pattani. Oleh itu jika dibandingkan, bahasa Melayu yang dituturkan oleh orang-orang di kawasan ini lebih bersih daripada bahasa Melayu di daerah lain. Bahasa Melayu di kawasan ini dikenali sebagai bahasa Kedah (Shuib, 1971: 6).

Fakta yang lebih penting daripada pemetaan yang dibuat oleh keempat-empat pengkaji ini ialah dalam DMK terdapat juga dialek Melayu Perlis, Pulau Pinang dan sebahagian Perak. Oleh itu, keseragaman dialek-dialek dalam DMK tidaklah seratus peratus sama. Hal ini diakui oleh Asmah (1979: 5) apabila beliau menyatakan:-

*“A dialect area need not necessarily be uniform throughout. It is impossible to expect a space covering several thousand square miles to show a uniformity at any single level of the language system. There are bounds to be differences at a lower level of the system, particularly at the level of phonology, between the speech of one district and that of another.”*

Dialek Melayu yang dituturkan di Kedah sendiri pun tidak seragam disebabkan faktor kewujudan subdialek (berdasarkan mukim/daerah/kampung dan sebagainya) dan faktor idiolek (cara bertutur sendiri).

Dalam makalah ini, ragam DMK merupakan salah satu ragam bahasa yang wujud di wilayah DMK pada masa dulu dan sekarang. Secara lebih khusus, makalah ini memfokuskan salah satu DMK, iaitu dialek yang dituturkan di Kampung Pengkalan Ikan Bilis, Sungai Lalang, Sungai Petani, Kedah. Dialek ini dinamai dialek Melayu Kedah Sungai Petani (DMKSP). Walaupun ragam ini kelihatan berbeza dengan bahasa Melayu standard, ragam ini bertaraf dialek kerana penutur ragam ini masih mengongsi ciri saling kefahaman dengan penutur dialek Melayu lain yang ada di Malaysia. Selain aspek linguistik yang lain, persamaan dan perbezaan antara kedua-dua sistem bahasa ini diperlihatkan menerusi penggunaan eufemisme dalam sistem masing-masing yang dibincangkan dalam kertas kerja ini.

## Metodologi

Perbincangan dalam kertas kerja ini merupakan sebahagian daripada hasil kajian yang lebih besar<sup>5</sup>. Maklumat linguistik yang dibincangkan dalam kertas kerja ini diperolehi menerusi wawancara terhadap enam informan (tiga lelaki dan tiga perempuan) penutur DMKSP daripada tiga kelompok umur, iaitu remaja (20-an), pertengahan umur (40-an) dan tua (50-an). Kosa kata khusus yang berkaitan dicungkil daripada informan menerusi kaedah biasa, iaitu pertanyaan langsung. Kosa kata dalam bahasa Melayu standard digunakan sebagai asas dalam pertanyaan tersebut. Hanya kosa kata yang dianggap wujud sahaja diambil kira sebagai data. Bentuk terjemahan langsung daripada bahasa Melayu standard tidak diterima. Penggunaan tabu dan eufemisme dalam perbualan pula diperolehi menerusi rakaman perbualan dalam peristiwa komunikasi yang sesuai. Petikan perbualan daripada tulisan lain yang dirujuk sumbernya dan bentuk hipotetikal (contoh frasa dan ayat) dalam DMKSP yang berdasarkan wawancara terhadap informan juga digunakan.

---

politik agak jelas tetapi sempadan geografi linguistik kadang-kadang jelas kadang-kadang tidak. Hal ini demikian kerana kawasan dialek kadang-kadang mengikut sempadan negeri tetapi boleh juga disela oleh hutan, bukit, gunung, perairan, kawasan bahasa atau dialek lain dan sebagainya.

<sup>4</sup> Selain dua buah dialek Melayu Proto ini, Grimes et al. (1996), menyenaraikan juga tiga bahasa orang Asli di Semenanjung Malaysia yang termasuk ke dalam rumpun bahasa Austronesia. Bahasa-bahasa yang dimaksudkan ialah bahasa orang Duano' (sekitar Pontian Kecil), orang Kanaq (sekitar Mawai) dan orang Seletar (sekitar Kuku, Johor Baharu dan Singapura).

<sup>5</sup> Kajian yang dimaksudkan bertajuk “Meneroka dan Menyiasat Pelbagai Pengelasan Eufemisme dan Meninjau Eufemisme dalam Dialek Melayu Terpilih untuk Membentuk Pengelasan Eufemisme yang Baharu” di bawah Exploratory Research Grant Scheme (ERGS) (Skim Geran Penyelidikan Eksploratori), Universiti Sains Malaysia (2010-2013).

Berdasarkan semua maklumat yang diperoleh, kertas kerja ini membincangkan tabu dan eufemisme kematian dalam DMKSP. Bentuk linguistik tabu dan eufemisme kematian yang difokuskan dalam kertas kerja ini ialah penggantian leksikal dan metafora.

### Tabu dan eufemisme kematian dalam dialek Melayu Kedah Sungai Petani

Kata 'mati' bukanlah tabu mutlak dalam DMKSP. 'Mati' sering digunakan sebagai kata yang mempunyai makna yang neutral, namun demikian hal ini bergantung juga kepada konteks ayat. Sebagai contoh, 'mati' dengan makna neutral, iaitu tidak bernyawa lagi (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2007: 1007-1008) boleh menjadi kasar dan tabu jika digunakan dalam keadaan marah tetapi boleh pula menjadi bahan gurauan jika digunakan dalam dialog yang kelakar. Contohnya:

Jadual 1.3: 'Mati' dengan makna berbeza

1. Panjang umoq pun, mai dah. Ingat dah mati, rupanya hang hidup lagi hehe (kelakar)
2. Biah hang mati teredhang baru hang tau (marah).
3. Kena beringat kita pun esok-esok mati jugak (sedih)
4. Kami nak pi tengok orang mati kat kampung sebelah (neutral)

Perkataan 'mati' yang dianggap neutral juga mempunyai sinonimnya, yakni 'mampuih' (mampus), 'kojoi' (kojol), 'dah gol' (sudah gol) dan sebagainya. Perkataan-perkataan ini mendukung makna yang sama dengan 'mati'. Namun demikian, sama seperti perkataan 'mati', perkataan-perkataan ini juga boleh menjadi kasar dan tabu jika digunakan dalam keadaan marah tetapi boleh pula menjadi bahan gurauan jika digunakan dalam dialog yang kelakar.

Jadual 1.4: 'Mampuih' dengan makna berbeza

5. Mampuih la aku satni kalau marka aku tau aku dok ejas awek ni (kelakar)
6. Hang boleh pi mampuih ngan pompuan tu (marah)
7. Mampuih la aku tak masak lagi, satgi laki aku balik (risau)
8. Setengah mampuih aku dok buat kereja tu tau dak? (neutral)

Di samping bentuk biasa, perkataan 'mati' yang terdapat dalam DMKSP sering kali dipadankan dengan eufemisme yang setara. Pemadanan ini pula lazimnya berlaku apabila 'mati' digunakan sewaktu menerima berita peristiwa kematian<sup>6</sup>. Dalam hal ini eufemisme bagi 'mati' juga diungkap dengan cara yang sopan dan tertib. Hal ini demikian kerana dalam memperkatakan hal yang berkaitan dengan kematian, seseorang penutur bukan sahaja dituntut untuk bersopan dalam pertuturannya malah hendaklah memperkatakan hal ini dengan cara yang tidak menyinggung perasaan pihak yang terlibat dengan peristiwa tersebut. Sekiranya penutur tidak berbuat demikian, kemungkinan besar dirinya bukan sahaja dianggap tidak sopan malah menambahkan kesedihan pihak yang terlibat.

Hal yang berkaitan dengan kematian ini juga mempunyai eufemisme mengikut nilai masyarakat penutur dialek ini. Sebagai contoh, perujukan bagi individu yang telah meninggal dunia yang disebut 'orang mati' atau 'si mati' dalam bahasa Melayu standard<sup>7</sup> tidak dianggap tabu dalam dialek ini. Di samping perkataan ini, terdapat padanan lain dalam bentuk eufemisme seperti yang berikut.

Jadual 1.5: Eufemisme 'orang mati' atau 'si mati'

- |    |   |  |
|----|---|--|
| P1 | : | Hang nak pi mana ni?   |
| P3 | : | Nak pi tengok <u>mayat</u> Nah la.   |
| P1 | : | Depa dah mandi <u>jenazah</u> ka dak awai lagi ni.   |
| P2 | : | Belum kot. Pakat ramai-ramai pi na. <u>Arwah</u> bukan ada sedara mara kut-kut belah sini. |

Selain menggunakan nama asal individu yang telah meninggal dunia (sebagai contoh Nah dalam Jadual 1.5), penutur DMKSP menggunakan kata 'mayat', 'jenazah' dan 'arwah' sebagai ganti kepada 'orang mati'. 'Mayat' (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2005: 1010) bermaksud tubuh orang yang telah meninggal, 'jenazah' (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2005: 623) merupakan kata pinjaman bahasa Arab yang membawa maksud mayat bagi orang Islam dan 'arwah' (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2005: 80)

<sup>6</sup> Dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007: 1007-1008) 'kematian' maknanya hal yang berkaitan mati atau perihal mati. Definisi 'kematian' ini sesuai dengan pengelasan Saville-Troike (2003: 210-211) tentang hal yang sama. Dalam hal ini, unsur kematian lazimnya bukan sahaja melibatkan peristiwa kematian itu sendiri malah kata ganti nama diri (contohnya si mati) dan hal berkaitan kematian yang mengundang ketidakselesaan sekiranya diucapkan secara langsung. Peristiwa kematian merujuk kepada hal-hal yang berkaitan dengan kematian.

<sup>7</sup> Bagi bahasa Melayu standard ungkapan 'si mati' digunakan secara meluas dalam laras akhbar.



juga ialah kata pinjaman bahasa Arab yang membawa maksud roh atau jiwa orang yang telah meninggal dunia atau jamak bagi roh. Masyarakat ini selesa menggunakan istilah pinjaman bahasa Arab sebab soal kematian dianggap berkait secara langsung dengan agama dan tidak boleh disebut sebarangan. Namun begitu, maksud perkataan 'arwah' disesuaikan oleh kebanyakan orang Melayu, hatta dalam bahasa Melayu standard pun 'arwah' diguna pakai untuk merujuk kepada fizikal orang yang sudah meninggal dunia, walaupun maksud 'arwah' ialah roh atau jiwa orang yang meninggal dunia. Penutur dialek ini juga selesa menggunakan ungkapan eufemisme 'arwah' berbanding dengan 'orang mati' dalam perbualan mereka untuk merujuk kepada individu yang telah meninggal dunia. Hal ini demikian kerana kata ganti nama diri ini dianggap lebih sopan dan individu yang menggunakannya dianggap tahu berbahasa serta sensitif dengan perkara yang sedang diperkatakan. Perkataan 'mayat', 'jenazah' dan 'arwah' juga digunakan dalam kebanyakan konteks rasmi yang melibatkan bahasa Melayu standard.

Perkataan eufemisme lain dalam bahasa Melayu standard seperti ahli, ahlii, ahlu atau ahlu kubur, almarhum, almarhumah, allahyarham, allahyarhamah, gemulah, tuangku atau tuanku kubur yang merujuk kepada orang yang telah meninggal dunia tidak ditemui dalam dialek ini. Walau bagaimanapun istilah 'penghuni kubog' (penghuni kubur) digunakan untuk merujuk kepada kenyataan bahawa semua orang akan meninggal dunia dan dikebumikan kelak<sup>8</sup>.

Perkataan 'mati' juga mempunyai eufemisme dalam bentuk bahasa figuratif, misalnya bahasa kiasan, personifikasi, metafora atau ungkapan yang lebih panjang yang dirujuk sebagai sirlumkolusi, yakni penggunaan kata yang berlebihan atau tidak perlu untuk mengungkapkan fikiran (*Gerbang Maya Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia*).

Sebagai contoh, bahasa kiasan 'mati katak' menyamai maksud kiasan dalam bahasa Melayu standard 'mati katak', 'mati konyol' dan 'mati ayam', yakni mati dengan sia-sia. 'Mati teredhang' juga sama maksudnya cuma dalam hal ini selain sia-sia kematian tersebut berlaku dalam keadaan yang tidak disangka-sangka.

Personifikasi seperti 'mati rasa' yang maknanya tidak berasa apa-apa lagi dan 'mati langkah' atau 'langkah mati' yang bermaksud tidak dapat melakukan apa-apa yang dihayati juga digunakan dalam dialek ini sama seperti bahasa Melayu standard. Demikian juga halnya dengan personifikasi 'mati plug' (menutup suis atau plug lampu) dan 'mati tv' atau 'mati buang radio' (mematikan televisyen atau radio) juga sama maknanya dalam bahasa Melayu standard. Dalam semua contoh ini, perkataan 'mati' tidak dianggap tabu.

Metafora 'meninggai' (dalam bentuk standardnya 'meninggal dunia') pula sering digunakan untuk merujuk kepada 'mati'. Contohnya seperti yang berikut:

Jadual 1.6: Metafora 'meninggai'

- |    |   |   |
|----|---|---|
| P1 | : | Suami dia dah <u>meninggai</u> tahun lepaih sakit kencing maneh.  |
| P2 | : | Terok kot kan kencing maneh laki dia sampai <u>meninggaikan</u> ? |

Ungkapan 'meninggai' dalam petikan di atas sebenarnya sinonim dengan 'meninggal dunia' dalam bahasa Melayu standard yang merujuk kepada peristiwa seseorang mati, wafat, sampai ajalnya, meninggal, datang waad Allah atasnya (*Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*, 1995: 1976). Ungkapan ini merupakan metafora bertolak (Saville-Troike, 2003) kerana secara tersirat (roh) individu bertolak meninggalkan dunia ini menuju ke alam lain. Penggunaan ungkapan eufemisme 'meninggai' dalam pertuturan masyarakat dialek ini merupakan penggunaan kosa kata yang diterima umum dan mempunyai makna yang neutral dan bersopan.

Selain meninggal dunia, dalam bahasa Melayu standard terdapat eufemisme bertolak yang lain, umpamanya 'berpulang', 'pulang ke rahmatullah', 'kembali ke alam baqa (kekal)', 'kembali ke rahmatullah', 'kembali ke negeri yang baqa', 'berpindah ke alam lain', 'berpindah dari alam fana', 'berpindah ke alam baqa' dan lain-lain. Pulang, kembali dan pindah ialah kata kerja yang bermaksud bertolak dari satu tempat pergi ke tempat lain atau baharu. Namun demikian, menurut informan ungkapan-ungkapan ini bersifat baku dan jarang digunakan dalam perbualan biasa yang menggunakan dialek. Ungkapan yang paling lazim ialah 'pi' (pergi) yang berbentuk metafora bertolak seperti dalam contoh berikut.

Jadual 1.7: Metafora bertolak 'pi'

- |    |   |  |
|----|---|--|
| P1 | : | Dak aih baru jadi ja, dok makan ubat cek dokto selalu tapi tu la dah <u>sampai masa</u> diakan? Kita tak tau lagi kita nanti camna. <u>Dah sampai masa</u> nanti macam tu jugak la kita pun. |
| P2 | : | Ya la kita semua pun <u>pi</u> sana jugak nanti.   |

Dalam Jadual 1.7 juga, ungkapan 'sampai masa' walaupun tidak merujuk kepada peristiwa kematian secara langsung, ungkapan ini menunjukkan metafora bertolak kerana dalam hal ini masa si mati dianggap sudah sampai untuk bertolak dari dunia ini ke

<sup>8</sup> Maksudnya dalam hal ini 'penghuni kubog' bukan merujuk kepada orang yang meninggal dunia tetapi merujuk kepada hakikat kematian itu sendiri.

dunia yang sebuah lagi. Ungkapan 'sampai masa' bersinonim pula dengan 'sampai hukum', iaitu sesuatu yang berkaitan dengan masa, umur, nyawa, hayat atau kehidupan seseorang.

Jadual 1.8: Metafora bertolak 'sampai hukum'

- |    |   |  |
|----|---|--|
| P3 | : | Habeh umoq lepaih subuh.   |
| P4 | : | Nak buat cammanakan? <u>sampai hukum</u> dah dia pun dah lama duk sakit tua kan. |

Dalam hal ini bagi orang Islam, 'sampai hukum' bermaksud sudah tiba waktu yang sepatutnya seseorang itu mati berdasarkan hukum atau ketentuan Allah atau Yang Maha Esa. Bagi orang Islam kematian merupakan sesuatu yang telah ditetapkan masanya dan semua individu akan melaluinya.

Metafora yang menggambarkan sesuatu yang wujud sebelum ini tetapi sudah tiada lagi atau kosong juga merupakan eufemisme kepada 'mati', contohnya:

Jadual 1.9: Metafora kosong 'dah tak dak' dan 'habeh umoq'

- |    |   |   |
|----|---|---|
| P3 | : | Ish macam tak caya sungguh la ... kemarin ja duk sembang melawak makan sekali dengan kami. Hari ni depa mai habaq Nah <u>dah tak dak</u> dah. |
| P4 | : | Betoila Siah, Nah <u>habeh umoq</u> dalam tidoq ja kan ... tak gaduh sakit ka apa ka.   |
| P3 | : | <u>Habeh umoq</u> lepayh subuh  |

Umpamanya ungkapan 'dah tak dak' (sudah tiada) dan 'habeh umoq' (habis umur) digunakan untuk merujuk kepada peristiwa kematian. Dalam Jadual 1.9 di atas, individu bernama Nah yang asalnya ada atau wujud sudah tiada lagi apabila individu ini mati. Selain itu, penutur DMKSP menggunakan ungkapan 'habeh umoq' (habis umur), yakni sesuatu yang berkaitan dengan masa, umur, nyawa, hayat atau kehidupan seseorang yang ada sudah tiada lagi dan masa individu tersebut sudah sampai ke penghujungnyanya.

Penutur DMKSP juga menggunakan ungkapan yang lebih halus untuk memperkatakan hal-hal yang berkaitan dengan kematian seperti 'kubur' disebut 'enam kaki dalam', 'batu dua' atau 'rumah kekai'. Penggunaan ungkapan 'kubur' (atau kuboq) tidaklah mendatangkan sebarang konotasi atau makna negatif kecuali bagi sesetengah pihak mungkin timbul perasaan takut mendengar perkataan 'kubur' tetapi penutur dialek ini dilihat memaniskan ungkapan ini dengan ungkapan 'enam kaki dalam', 'batu dua' dan 'rumah kekai' (rumah kekal). Ketiga-tiga ungkapan ini merupakan kata nama am yang merujuk kepada kubur dalam bentuk fizikalnya: 'enam kaki dalam' menunjukkan lubang kubur yang digali sedalam enam kaki di bawah tanah, 'batu dua' menunjukkan bentuk fizikal luaran kuburan yang dipacak dengan dua batu nisan manakala 'rumah kekai' pula ialah tempat penginapan kekal individu yang sudah meninggal dunia. Pendengar yang mendengar ungkapan eufemisme 'enam kaki dalam', 'batu dua' dan 'rumah kekai' akan berasa lebih selesa mendengarnya. Perkataan 'makam', 'pusara', 'kubah' dan 'kandang' dalam bahasa Melayu standard untuk merujuk kepada hal yang sama tidak digunakan dalam dialek ini.

Masih banyak juga eufemisme lain berkaitan kematian yang mungkin digunakan oleh penutur dialek ini. Hal ini demikian kerana jika diperhalus, banyak cara bentuk setara atau sinonim digunakan dalam sesuatu kelompok masyarakat.

## Rumusan

Makalah ini membincangkan leksikal dan metafora tabu dan eufemisme kematian secara khusus dalam salah satu dialek Melayu Kedah, iaitu dialek Sungai Lalang, Sungai Petani. Secara am, objektif pertama tinjauan ini, iaitu untuk memaparkan secara umum penggunaan eufemisme dalam dialek Melayu yang dipilih telah dilaksanakan. Berdasarkan huraian berkenaan didapati bahawa penutur DMKSP sememangnya menggunakan ungkapan eufemisme bagi menyatakan unsur kematian tertentu.

Objektif kedua tinjauan ini pula adalah untuk memperlihatkan kesamaan dan perbezaan bentuk eufemisme dalam dialek Melayu standard dengan DMKSP. Penutur DMKSP menggunakan ungkapan eufemisme tertentu yang bersesuaian dengan dialek mereka dalam memperkatakan hal yang berkaitan tabu. Pemilihan ungkapan eufemisme dalam dialek ini difahami, diterima dan dikongsi secara bersama dalam kalangan penuturnya dalam perbualan harian mereka. Namun demikian, terdapat persamaan dan perbezaan eufemisme dalam dialek Melayu ini jika dibandingkan dengan bahasa Melayu standard.

Dalam hal ini, perkataan 'mati' itu sendiri tidaklah tabu kepada penutur dialek ini sama seperti dalam bahasa Melayu standard. Leksikal atau ungkapan yang berbeza digunakan silih berganti untuk menggantikan kata tabu dan menunjukkan kesopanan dan kesusilaan dalam berbahasa. Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa ungkapan tabu walaupun dianggap sebagai kata-kata yang terlarang, tidak boleh disebut atau pantang tetapi ungkapan tabu bukanlah prasyarat khas sewaktu perbualan dalam kalangan penutur DMKSP. Akan tetapi ungkapan tabu seharusnya dielakkan ketika berkomunikasi kerana kesinambungan dan kelancaran sesebuah perbualan bergantung kepada cara individu menyusun dan menggunakan kata. Hal ini demikian kerana ungkapan eufemisme berkait rapat dengan kesopanan dan etika dalam pertuturan supaya seseorang tidak menimbulkan sebarang salah faham, tidak mengecilkan hati, tidak mengaibkan dan menjaga maruah orang yang dilawan bertutur.

Selain persamaan ini, perbezaan eufemisme ialah kelainan sebutan berasaskan lokaliti dan perbezaan leksikal yang menunjukkan bahawa perkataan tertentu dalam dialek atau bahasa standard mungkin tiada dalam sistem yang satu lagi. Ada atau tiadanya bentuk eufemisme dalam sistem pertuturan bergantung kepada banyak sebab sosial, antaranya pengaruh luar yang berlaku secara langsung atau difusi yang boleh menyebabkan bentuk eufemisme dari luar diserap dan digunakan dalam variasi bahasa tertentu tetapi tidak dalam variasi yang lain. Wujudnya sesuatu eufemisme dalam sesebuah variasi bahasa boleh dianggap sebagai khazanah yang menunjukkan kelainan dan keunikan variasi berkenaan jika dibandingkan dengan dialek Melayu standard dan dialek Melayu yang lain.

Sebagaimana yang dinyatakan dalam sorotan literatur, kajian terhadap eufemisme agak langka dalam konteks bahasa dan dialek Melayu. Sebagaimana aspek bahasa yang lain, banyak kajian berbentuk linguistik dapat diterapkan dalam kajian terhadap fenomena ini. Umpamanya, sifat alamiah eufemisme yang dikaitkan dengan kesopanan menyediakan banyak peluang untuk kajian berbentuk pragmatik yang menggunakan teori-teori pragmatik dalam menganalisis eufemisme. Dari segi semantik, molekul juga jika kajian tentang eufemisme ini dibuat terhadap wacana yang lebih panjang dan kajiannya dilaksanakan di peringkat makna ayat, bukan di peringkat makna leksikal sahaja sebagaimana tumpuan kajian ini. Akhirnya, disebabkan makna eufemisme juga ditentukan berdasarkan konteks maka masih banyak ruang untuk kajian bahasa figuratif lain, selain metafora dan personifikasi, umpamanya metonimi, simile atau perbandingan, sinekdoke, ironi, hiperbola, asosiatif, stilistik, kolokasi, peribahasa dan sebagainya yang boleh digunakan untuk mengkaji fenomena ini.

## Rujukan

- Abdul Karim Ismail. (1972). *Dialek Baling (Sifat-sifat Umum dan Kumpulan Teks)*. Latihan Ilmiah, Sarjana Muda Sastera, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Abdullah Hassan. (2006). *Linguistik Am*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2001). *Kamus Peribahasa Kontemporari*. Kuala Lumpur: PTS Publications and Distributions.
- Adenan Ayob (2010) Perbandingan kekesan pengasimilasian bahasa dalam antara pelajar Cina dengan pelajar India di dalam bilik darjah. [www.mymla.org/files/icmm2010\\_papers/ICMM2010\\_p3.pdf](http://www.mymla.org/files/icmm2010_papers/ICMM2010_p3.pdf) (18.3.2012)
- Ahmad Mahmood Musanif. (2002). *Semantik*. Serdang: Pusat Pengajian dan Pembelajaran Jarak Jauh (IDEAL).
- Allen, K. & Burridge, K. (1991) *Euphemism and Dysphemism: Language Used as Shield and Weapon*. Oxford: Oxford University Press.
- Asmah Haji Omar. (1979). *Darulaman: Essays on linguistic, culture and socio-economic aspects of the Malaysian state of Kedah*. Kuala Lumpur: Penerbit UM.
- Asmah Haji Omar. (1983). *The Malay Peoples of Malaysia and Their Language*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1991a). *Kepelbagaian Fonologi Dialek-dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1991b). *Aspek Bahasa dan Kajiannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arbak Othman. (1983). *Permulaan Ilmu Linguistik: Satu Pengenalan Konsep dan Bidang Kajian Secara Teoritis*. Selangor: Sarjana (M) Sdn. Bhd.
- Collins, J. T. (1988). Wilayah dialek Kedah: Bukti dari Sumatera Utara. *Dewan Bahasa*, Julai, 494-522.
- Collins, J. T. (1989). *Antologi Kajian Dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Darwis Harahap. (1994). *Binaan Makna*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dunia Melayu Kedah. Gerbang komuniti Melayu – Kedah terunggul dalam talian. <http://melayu-kedah.blogspot.com.my/2007/11/rujukan.html> (6.9.2012)
- Enright, D. J. (1985) *Fair of Speech: The Use of Euphemism*. Oxford: Oxford University Press.
- Frazer. (1992). Tabu dalam bahasa Sunda. <http://harjasaputra.wordpress.com/2007/03/26/tabu-dalam-bahasa-sunda-2/> (10.7.2012).
- Frazer, J.G. (1922) *The Golden Bough. A Study in Magic and Religion*. New York: Macmillan. <http://www.bartleby.com/196/> (6.4.2013).
- Frazer, J.G. (2000) *The Golden Bough. A Study in Magic and Religion*. New York: Bartleby.com. <http://www.bartleby.com/196/> (6.4.2013).
- Freud, S. (1950). *Totem and Taboo: Some Points of Agreement between the Mental Lives of Savages and Neurotics*. London: Routledge & Kegan Paul Limited.
- Freud, S. (1918). *Totem and Taboo: Resemblances between the Psychic Lives of Savages and Neurotics*. New York: Moffat, Yard & Co. (New York: Bartleby.com 2010)
- Gerbang maya Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia. <http://prpm.dbp.gov.my/> (16.6.2016)
- Grimes, B.F. (ed.) (1996). Pittman, R.S. & Grimes, J.E (consulting eds.). *Ethnologue: Languages of the World, SIL International, 13<sup>th</sup> Edition 1996-1999*. <http://www.sil.org/ethnologue.html> (27.11.2006).
- Halliday, M.A.K. & Hassan, R. (1976). *Cohesion in English*. London: Longman.
- Harimurti Kridalaksana. (1993). *Kamus Linguistik*. Jakarta: P.T. Gramedia.
- Holmes, J. (2008). *An Introduction to Sociolinguistics*. Third edition. Pearson Education Schweiz: Longman.
- Ismail Hussein. (1973). Malay dialects in the Malay Peninsula. *Nusantara*, III, 1973, 69-79.
- Jeniri Amir. (2007). Bahasa media Indonesia. *Jurnal Dewan Bahasa*, 8-20.
- Kamaruddin Husin. (1995). *Laras Bahasa*. Selangor: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*. (1995). Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- Kamus Dewan*. (1995). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2007). Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Kamus linguistik. (1997). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Logan, J. R. (1851). Notices of Pinang. *JIAEA*, V, Singapore: Kraus Reprint, 1-14, 93-119, 155-210, 292-305, 354-366 dan 400-429.
- Lyons, J. (1992). *Bahasa dan Linguistik Suatu Pengenalan*. Terjemahan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- MEDIAMALAYA (16 Oktober 2010) [http://mediamalaya.com/page/644/?wptouch\\_switch=desktop&redirect=%2Fiklan-hari-malaysia-oleh-syarikat-di-malaysia-6-gambar%2F](http://mediamalaya.com/page/644/?wptouch_switch=desktop&redirect=%2Fiklan-hari-malaysia-oleh-syarikat-di-malaysia-6-gambar%2F) (25.6.2015).
- Mencken, H. L. (1936) *The American Language*. New York: Alfred H. Knopf.
- Neaman, J. S. & Silver, C. G. (1983) *Kind Words: A Thesaurus of Euphemism*. New York: Facts on File Publications.
- Nik Safiah Karim. (1981). *Beberapa Persoalan Sosiolinguistik Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Mohamed. (1999). *Sejarah Sosiolinguistik Bahasa Melayu Lama*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Noor Asliza Abdul Rahim. (2008). *Analisis Eufemisme dalam Laras Akhbar Berbahasa Melayu*. Tesis Sarjana Sastera, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Noor Hartini Zolkifli & Siti Saniah Abu Bakar. (2011). Unsur eufemisme dalam novel Papa dan Afza Hanani. *Jurnal Dewan Bahasa*, 83-108.
- Radiah Yusoff, Nor'aini Ismail, Wan Rose Eliza Abdul Rahman. (2004). *Pengantar Linguistik*. Kuala Lumpur: Pearson Prentice Hall.
- Rawson, H. (1981) *A Dictionary of Euphemisms and Other Double-Talk*. New York: Crown Publishers.
- Rosaida Abdul Kadir @ Che Ismail (2012) *Analisis Stilistik Eufemised dalam Dialek Melayu Kelantan Pasir Mas*. Disertasi Ijazah Sarjana Sastera, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.
- Saville-Troike, M. (1991). *Etnografi Komunikasi*. Terjemahan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saville-Troike, M. (2003). *The Ethnography of Communication. An Introduction*. Third Edition. Oxford, England: Blackwell Publishing. <http://gumonounib.files.wordpress.com/2010/06/the-ethnography-of-communication-an-introduction-third-edition-by-muriel-saville-troike.pdf> (6.4.2013).
- Shuib Ismail. (1971). *Dialek Kedah Persisiran: Satu Kumpulan Teks serta Pembicharaan Linguistik*. Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Trudgill, P. (1984). *Sosiolinguistik Satu Pengenalan*. Terjemahan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wardhaugh, R. (1986). *An Introduction to Sociolinguistics*. Oxford: Basil Blackwell.
- Wundt, W. (1906). *Mythus and Religion*. Leipzig: Teil II (Völkerpsychologie, Band II).
- Zhenqiang Fan (2006) The mechanism of euphemism: A cognitive linguistic interpretation". *US-China Foreign Language*, July, 4:7 (34), 71-74.
- Zuraidah Jantan. (2009). *Unsur Eufemisme dalam Novel Melayu: Satu Manifestasi Kesopanan Bahasa*. [http://www.aswara.edu.my/c/document\\_library/get\\_file?uuid=bdb909f3-f686-4192-94d7-5d2736260698&groupId=19273](http://www.aswara.edu.my/c/document_library/get_file?uuid=bdb909f3-f686-4192-94d7-5d2736260698&groupId=19273) (10.11.2011)